

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
ANTARA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
DENGAN  
FALCON SAFE MARKETING SDN. BHD.  
DAN  
URUSAN TEKNOLOGI WAWASAN SDN. BHD.**

**16 OGOS 2023 | RABU | 10 PAGI**

**RUANG LEGAR ARAS 7,  
BANGUNAN CANSELERI, UiTM**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**[Salutasi]**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman** antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Falcon Safe Marketing Sdn. Bhd. dan Urusan Teknologi Wawasan Sdn. Bhd. (UTW)

2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) atas komitmen dan usaha berterusan dalam meningkatkan kerjasama antara UiTM dengan pihak-pihak berkepentingan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini ke arah menjadi sebuah universiti dikenali dunia menjelang 2025, UiTM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak industri termasuklah Falcon Safe Marketing dan UTW.

4. Secara khususnya, kerjasama antara UiTM dengan Falcon Safe Marketing dan UTW ini adalah di bawah projek pembangunan pendidikan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Antara kerjasama yang

bakal dijalankan merangkumi penyediaan penempatan latihan industri pelajar KPK, program mobiliti staf dan pelajar, program peningkatan kebolehpasaran graduan, perkongsian ilmu dan kolaborasi dalam aktiviti penyelidikan atau perundingan; dan kolaborasi dalam membangunkan serta mengoptimumkan penggunaan kepakaran pada tahap profesionalisme menerusi kerjaya masing-masing.

5. Selain itu, kerjasama juga akan melibatkan penganjuran simposium, persidangan, kursus ringkas, dan perbincangan mengenai isu-isu penyelidikan dan pembangunan produk menerusi penyaluran maklumat aktiviti pihak lain dalam lingkungan Memorandum Persefahaman di laman sesawang masing-masing.

6. Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam membantu pelajar, graduan dan staf KPK yang akhirnya membantu menjadikan UiTM sebuah universiti yang lebih mapan dalam mencapai objektif serta matlamat organisasinya.

7. Akhir kata, sekali lagi terima kasih saya ucapkan kepada pihak Falcon Safe Marketing dan UTW dalam menjayakan kerjasama ini.

8. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memastikan kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

9. Semoga segala perancangan yang telah diatur akan dilaksanakan dengan sebaiknya dan dijadikan

asas kepada perkongsian ilmu yang dapat memberi manfaat positif kepada kedua-dua belah pihak.

**Sekian,**

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**